



SEKUMPULAN pelajar yang menyertai program *The Biggest Loser UMP Campus Challenge* menjalani latihan sempena Karnival Hidup Sihat di Kuantan, baru-baru ini.

UM - Dalam Negeri m/s 8

9/11/16

Fun Run 5km sempena Expokonvo UMP 2016

KUALA LUMPUR 8 Nov. - Bersempena Expokonvo Universiti Malaysia Pahang (UMP) 2016 yang akan berlangsung pada 18 hingga 21 November ini di kampus Gambang, Kuantan, Pahang, aktiviti *Fun Run* sejauh lima kilometer akan diadakan bagi mengeratkan hubungan antara pihak universiti dengan masyarakat setempat.

Aktiviti larian itu akan diadakan pada 13 November ini di Pusat Aktiviti Pelajar UMP Pekan.

UMP dalam satu kenyataan memberitahu, larian tersebut merupakan salah satu cara mempromosikan Expokonvo sekaligus memperkenalkan UMP Pekan sebagai kampus induk baharu bagi universiti itu menggantikan UMP kampus Gambang.

“Aktiviti ini diadakan dengan kerjasama Genesis sempena Kar-

Pesta
KONVO

UTUSAN MALAYSIA

MINGGUAN MALAYSIA



Universiti
Malaysia
PAHANG

Engineering • Technology • Creativity

expoconvo16

Bersempena Majlis Konvokasyon ke-11 UMP

SEKUTUPAN • KUALA LUMPUR • 2016

nival Gaya Hidup Sihat dan turut mendapat tajaan 100 Plus yang merupakan penaja rasmi program,” jelas kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu, larian berkenaan terbahagi kepada enam kategori yang merangkumi lelaki dan wanita berusia 17 tahun hingga 40 tahun ke atas.

Pendaftaran secara *walk-in*

dan pengambilan *kit* larian akan bermula pada 10 November ini bermula pukul 10 pagi hingga 7 malam di tasik Pertandingan Memancing UMP, Pekan dengan yuran penyertaan sebanyak RM40 untuk setiap kategori dan 500 peserta awal akan menerima baju T, medal dan sijil penghargaan.